

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan berhubung paras harga saham Felda Global Ventures (FGV) sehingga 27 April 2016 adalah bernilai RM 1.47 yang kini masih berada di tahap yang membimbangkan kerana ia turut melibatkan nasib 112,635 orang peneroka yang turut melabur bersama.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak terlibat secara langsung dengan pengurusan FGV dan hanya berperanan sebagai pemegang saham terbesar melalui FELDA. Namun begitu, kerajaan telah dimaklumkan mengenai perkembangan dan perancangan FGV dari semasa ke semasa.

Tahun lalu, industri sawit berdepan dengan ketidaktentuan harga Minyak Sawit Mentah Dunia sekali gus memberi kesan kepada prestasi FGV. Oleh kerana prestasi yang kurang memberangsangkan, saham FGV juga turut terjejas.

Namun begitu, pihak FGV telah melakukan pelbagai inisiatif bermula tahun lalu dengan meningkatkan keberkesanan operasi dan mengurangkan kos. Hasil daripada usaha berkenaan FGV tetap mencatat keuntungan walaupun berdepan dengan pasaran yang cukup mencabar.

Bermula awal tahun ini, harga MSM mula mencatatkan trend meningkat dan dijangkakan harga purata bagi tahun 2016 akan lebih baik berbanding tahun lalu. Dijangkakan prestasi keseluruhan tahun FGV pada tahun ini akan lebih kukuh berbanding 2015. Jangkaan prestasi yang baik ini dilihat mampu membezir mesej yang baik kepada pasaran saham dan memulihkan sentimen pelabur terhadap FGV sekali gus memberi kesan positif kepada pergerakan saham.

Untuk makluman Yang Berhormat, nasib peneroka yang memegang saham FGV terus terbelakar kerana syarikat telah memberi dividen pada setiap tahun sejak disenaraikan pada 2012.

Sekian. Terima kasih.